

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (20)

7 Julai 2021

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG
BIL. 16/2021**

**PENGOPERASIAN PELABUHAN DI PELABUHAN KLANG SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada Kenyataan Media YB Menteri Kanan Pertahanan pada 1 Julai 2021 berkaitan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan, SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di Negeri Selangor (**Lampiran 1**), Siaran Media Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 2 Julai 2021 berkaitan Pemakluman Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Di Selangor Dan Kuala Lumpur (**Lampiran 2**) dan Kenyataan Media Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 5 Julai 2021 berkaitan Surat Kebenaran Beroperasi Bagi Sektor Logistik Dan Pengangkutan Melalui Sistem SMILE Dan Aktiviti Yang Dibenarkan Semasa Tempoh PPN Dan PKPD (**Lampiran 3**).

2. Berdasarkan kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di mukim-mukim di Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama 14 hari yang akan bermula pada **3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021**.

3. Dimaklumkan bahawa hanya sektor **perkhidmatan perlu (essential services)** sahaja dibenarkan untuk beroperasi termasuk sektor pengangkutan dan logistik terutamanya pelabuhan serta aktiviti-aktiviti yang menjadi rantaian kepada pelabuhan. Justeru, **Operator Terminal (Northport dan Westports) serta Port Klang Free Zone akan terus beroperasi seperti biasa (24 jam pada setiap hari)** dan akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi aktiviti pelabuhan dan logistik untuk menampung keperluan negara dalam tempoh kritikal ini.

4. Bagi Operator Depoh Kontena Kosong (*On-Dock* dan *Off-Dock*) pula, waktu operasi yang dibenarkan adalah seperti biasa:

HARI	MASA BEROPERASI
Isnin hingga Sabtu	8.00 pagi hingga 4.00 pagi (hari berikutnya)
Ahad / Cuti Umum	8.00 pagi hingga 4.00 petang

5. Bagi aktiviti logistik *loading / unloading* di kawasan PKPD, ianya hanya **terhad kepada sektor *essential* sahaja kecuali pergudangan** kerana aktiviti ini merupakan aktiviti perkhidmatan rantai kepada pelabuhan. Sektor pergudangan tidak tertakluk kepada had operasi barangan *essential* sahaja kerana ianya menyediakan perkhidmatan penyimpanan dan pemunggahan barangan siap kepada pelabuhan. Aktiviti sektor pergudangan ini tidak melibatkan sebarang aktiviti pembuatan. Oleh itu, sektor pergudangan boleh terus beroperasi tanpa kekangan kepada jenis barangan *essential* dan *non-essential*. Namun, di kawasan luar PKPD, aktiviti logistik *loading / unloading* barangan *essential / non-essential* adalah dibenarkan.

6. Dimaklumkan juga bahawa pemain industri sektor logistik dan pengangkutan boleh terus mengguna pakai surat kebenaran beroperasi (Sistem SMILE) bertarikh dari 1 Jun 2021 dan ke atas bagi pemeriksaan di sekatan jalan raya (SJR). Walau bagaimanapun, surat terbaharu dengan pindaan mengambil kira peralihan dari Fasa PKP ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) sedia untuk dimuat turun bermula pada 5 Julai 2021 dari Sistem SMILE. Pemain industri sektor logistik dan pengangkutan digalakkan untuk memuat turun surat yang baharu ini.

7. Senarai penuh perkhidmatan perlu yang dibenarkan bagi sektor pengangkutan dan logistik adalah seperti yang tersenarai dalam Kenyataan Media Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 5 Julai 2021 berkaitan Surat Kebenaran Beroperasi Bagi Sektor Logistik Dan Pengangkutan Melalui Sistem SMILE Dan Aktiviti Yang Dibenarkan Semasa Tempoh PPN Dan PKPD (**Lampiran 3**).

8. Di samping itu, pihak Kastam dan Agensi-Agensi Kerajaan yang lain akan terus beroperasi bagi membantu para pemain industri untuk mempercepatkan proses pengeluaran kontena / kargo di pelabuhan dalam tempoh ini.

9. Semua pengikraran yang melibatkan Lembaga Pelabuhan Kelang seperti pengikraran Dagangan Berbahaya dan pengikraran Zon Bebas akan dikendalikan melalui Sistem e-DCFZ. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada pegawai yang tersenarai di dalam laman sesawang LPK.

10. Sepanjang tempoh ini, Ibu Pejabat LPK, pejabat Operator Pelabuhan (Northport & Westports), pejabat Port Klang Free Zone serta pejabat *Vessel Traffic Management System* (VTMS) tidak akan dibuka kepada orang awam atau lawatan rasmi. Sebagai tambahan, LPK juga telah mewujudkan talian bantuan bagi menjawab pertanyaan berhubung operasi di pelabuhan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) (**Lampiran 4**) dan Prosedur Operasi Standard (**Lampiran 5**) untuk dipatuhi oleh semua pengguna pelabuhan dan pemain industri logistik di Pelabuhan Klang.

11. Pergerakan merentas mukim, daerah atau negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS sebagai bukti. Maksimum tiga (3) orang dalam satu kenderaan adalah dibenarkan bagi tujuan mendapatkan penjagaan kesihatan, perubatan atau bagi tujuan vaksinasi.

12. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

LAMPIRAN 1

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Tempoh Kuatkuasa	3 Julai 2021 (12.01 pagi) sehingga 16 Julai 2021 (11.59 malam)
Kawasan Terlibat	<p>a) Daerah Petaling : Mukim Petaling, Damansara, Sg. Buloh dan Bukit Raja</p> <p>b) Daerah Hulu Langat : Mukim Hulu Langat, Ampang, Cheras, Kajang, Semenyih dan Beranang</p> <p>c) Daerah Sepang : Mukim Dengkil, Labu dan Sepang</p> <p>d) Daerah Gombak : Mukim Batu, Rawang, Setapak, Hulu Kelang dan Kuang</p> <p>e) Daerah Kuala Langat : Mukim Tanjung 12 (1), Tanjung 12 (2), Teluk Panglima Garang, Morib, Bandar, Jugra dan Batu</p> <p>f) Daerah Klang : Mukim Kapar dan Klang</p> <p>g) Daerah Kuala Selangor : Mukim Ijok, Bestari Jaya dan Jeram</p> <p>h) Daerah Hulu Selangor : Mukim Serendah, Rasa, Ulu Yam dan Batang Kali</p> <p>*Bagi PKPD di CLQ LRT 3 Sunway Constructions (Klang), Westlite SS 8 (Petaling Jaya), Mentari Court PJS 8 (Petaling Jaya), Taman Murni (Sepang) dan CLQ Gardens Kundang Jaya (Rawang), sila rujuk SOP PKPD yang sedang berkuatkuasa.</p>



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> Semua laluan keluar masuk PKPD ditutup. Kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dilaksanakan oleh PDRM dengan bantuan ATM, APM dan RELA. Semua penduduk TIDAK DIBENARKAN KELUAR dari rumah / kediaman masing-masing. Hanya seorang (1) wakil dari setiap rumah dibenarkan untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD dalam radius 10 kilometer dari kediaman. Maksimum tiga (3) orang sahaja termasuk pemandu dibenarkan keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan dan vaksinasi. Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS. Mana-mana individu yang telah dikenakan Arahan Kuarantin di Rumah (HSO) TIDAK DIBENARKAN keluar kediaman. Tiada sebarang pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas jam 8.00 malam kecuali bagi kes-kes kecemasan atau mendapat kebenaran PDRM. Kapasiti satu (1) orang sahaja bagi setiap kenderaan persendirian (semua jenis). Tambahan penumpang tertakluk kepada kebenaran PDRM berdasarkan <i>case to case basis</i>. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barangan serta rantai aktiviti ekonomi atau industri (kecuali pengangkutan pekerja) bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam Kenderaan Jabatan atau Kereta Rasmi Jawatan adalah berdasarkan kapasiti kenderaan.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> • Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. • Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> • Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. • Pergerakan keluar penduduk. • Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 11(3) Akta 342. • Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. • Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti dan perkhidmatan pengangkutan awam darat dan laut (keretapi, komuter, LRT, MRT, ERL, Monorel, bas, teksi, feri, <i>e-hailing</i>) dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan kapasiti 50%. • Bilangan penumpang dalam teksi dan e-hailing dihadkan dua (2) orang sahaja termasuk pemandu. • Lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi seperti biasa. • Urusan untuk menjalankan tugas rasmi Kerajaan dibenarkan dengan surat pengesahan daripada Ketua Jabatan atau pas pekerja yang sah tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara. • Kebenaran untuk bekerja bagi sektor swasta hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah. • Pekerja daripada perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) dan kilang-kilang serta premis-premis perniagaan yang dibenarkan sahaja boleh menggunakan surat kelulusan Kementerian atau Jabatan yang telah dikeluarkan sebelum ini. • Pekerja selain daripada perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) TIDAK DIBENARKAN keluar dari kawasan PKPD dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah (<i>work from home</i>). • Pergerakan bagi urusan-urusan lain selain yang dinyatakan dalam SOP ini perlu mendapatkan kebenaran PDRM.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Restoran, kedai/ gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera/ pusat penjaja, gerai makan tepi jalan/ kiosk DIBENARKAN beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Pembelian makanan secara bawa pulang (<i>take away</i>), pandu lalu (<i>drive-thru</i>) atau penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja DIBENARKAN. <i>Dine-in</i> dan perkhidmatan <i>park & dine</i> TIDAK DIBENARKAN. Kedai runcit, kedai serbaneka, kedai barangan keperluan harian DIBENARKAN beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Pasar raya dan pasar raya besar DIBENARKAN beroperasi TERHAD kepada seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik dan makmal perubatan DIBENARKAN beroperasi sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran. Kedai farmasi, kedai penjualan ubat-ubatan, klinik haiwan, kedai makanan haiwan, DIBENARKAN beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Stesen minyak DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam kecuali stesen minyak di lebuhraya bertol beroperasi sehingga 24 jam. Pasar borong DIBENARKAN beroperasi dari jam 12.01 pagi hingga 6.00 pagi. Pasar awam, Pasar Tani Kekal (PTK) & <i>MyFarm Outlet</i> (MFO) DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang. Pasar harian, pasar pagi, pasar tani, pasar malam, bazar larut malam TIDAK DIBENARKAN beroperasi. Penyelenggaraan, pembaikan dan pendawaian bersifat kritikal dibenarkan berdasarkan janji temu.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Bagi kes kecemasan seperti sakit atau kematian, penduduk DIBENARKAN untuk keluar zon dengan kelulusan PDRM. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan <i>case to case basis</i>. Pusat Pemberian Vaksin di dalam kawasan PKPD DIBENARKAN beroperasi. Semua institusi pendidikan DITUTUP sepanjang PKPD. Sebarang aktiviti sukan, sosial, rekreasi dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) DIBENARKAN menggunakan konsep <i>Camp Based Training</i>. Program latihan berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam <i>Malaysian Football League</i> (MFL) DIBENARKAN menggunakan model GELEMBUNG SUKAN (<i>Camp Based Training</i>). Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta TIDAK DIBENARKAN. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan oleh pihak luar seperti NGO/ syarikat/ individu sepanjang tempoh PKPD kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) melalui koordinasi di bawah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah/ Negeri.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti agama Islam adalah tertakluk mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Aktiviti agama selain Islam tertakluk mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara.
Pusat Asuhan Kanak Kanak, Tabika, Taska, Tadika dan Pusat Jagaan Harian	<ul style="list-style-type: none"> Tabika, taska, tadika swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak kanak berusia 4 hingga 6 tahun TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI KECUALI untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan barisan petugas hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu. Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak kanak Orang Kurang Upaya (OKU) warga emas wanita dan pusat jagaan pelbagai dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan. Ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak DIBENARKAN menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kebenaran Operasi & Pergerakan Perkhidmatan Awam dan Swasta	<p>Perkhidmatan Perlu / <i>Essential Services</i> sahaja:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengoperasian Pejabat Kerajaan bagi kawasan PKPD yang terlibat mengguna pakai arahan Ketua Setiausaha Negara berkaitan pengoperasian Pejabat Kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 yang berkuatkuasa. Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam dalam perkhidmatan perlu terhad kepada 20% (tidak termasuk <i>frontliners</i>, anggota keselamatan dan pertahanan). Perkhidmatan kaunter Kerajaan ditutup sepenuhnya kecuali: <ol style="list-style-type: none"> Perkhidmatan kesihatan; Balai polis; dan Di pintu-pintu masuk antarabangsa yang melibatkan urusan perkastaman, imigresen serta kuarantin. Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan terhad kepada 60%.
Protokol Kesihatan Umum	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Pemegang lesen dan pemilik premis diwajibkan menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. <i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk. Penggunaan aplikasi MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau alasan-alasan lain yang munasabah. Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan dan pekerja <i>check-in</i> premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon sekiranya tiada liputan internet.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	---	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

A. Sektor Pembuatan dan Pengilangan

- Barang Makanan Kering :
 - Gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih (*loaf*) dan susu tepung bayi.
- Minuman :
 - Air mineral.
- Kebersihan, Kesihatan dan Penjagaan Diri :
 - Lampin bayi, lampin dewasa, ubat-ubatan, *hand sanitizer* dan topeng muka.

***Hanya melibatkan rantaian pembungkusan, pelabelan dan pengangkutan.**



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	---	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

B. Sektor Perkhidmatan

- Air, elektrik dan tenaga.
- Kesihatan.
- Perbankan.
- Veterinar dan keperluan makanan haiwan.
- Keselamatan (*security and safety*), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan.
- Pengangkutan melalui darat, air atau udara.
- Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi.
- Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan).
- Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja).
- Pembersihan, pengurusan sisa pepejal dan pembentungan.
- Teknologi maklumat dan E-dagang (untuk tujuan pesanan dan penghantaran sahaja).
- Perkhidmatan penghantaran makanan, minuman dan bungkusan (*parcel*) atau *p-hailing (parcel-hailing)*.

***Apa-apa aktiviti yang menjadi rantai kepada senarai Sektor Perkhidmatan sahaja.**



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA: 3 JULAI 2021

Aktiviti Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan. Perkhidmatan perlu (<i>Essential Services</i>).
Aktiviti Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM. Pergerakan keluar penduduk. Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11(3) Akta 342. Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	--------	----------------------------------	---	----------------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)	
Aktiviti Ekonomi	Sektor ekonomi selain daripada yang disenaraikan dalam A. Sektor Pembuatan dan Pengilangan serta B. Sektor Perkhidmatan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (<i>Essential Services</i>) .
Aktiviti Hiburan	TIDAK DIBENARKAN.
Aktiviti Sukan & Rekreasi	TIDAK DIBENARKAN. Taman-taman awam ditutup.
Aktiviti Pelancongan	Semua aktiviti pelancongan ke luar dan masuk, dan di dalam kawasan PKPD adalah TIDAK DIBENARKAN.
Aktiviti Sosial & Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Semua majlis rasmi/ tidak rasmi Kerajaan/ Swasta, atau sebarang bentuk majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN. Sebarang bentuk seminar, kursus, latihan, kelas, apa-apa jua aktiviti pendidikan/ pembelajaran secara bersemuka adalah TIDAK DIBENARKAN.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

PEMAKLUMAN MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN DI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR

Berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di mukim-mukim di Selangor dan beberapa lokaliti di WP Kuala Lumpur bermula 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 susulan penularan pandemik COVID-19 yang terus meningkat.

Berikutan keputusan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengemaskini garis panduan kepada agensi-agensi di bawah MOT seperti berikut:

PERKHIDMATAN KAUNTER JPJ, APAD, PUSPAKOM DAN JLM

- Dalam Siaran Media bertarikh 30 Jun, MOT telah mengumumkan pembukaan semula perkhidmatan kaunter semasa Fasa Pertama PKP di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk transaksi / perkhidmatan yang tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian.
- Walau bagaimanapun, dalam tempoh PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur, semua perkhidmatan kaunter yang dikendalikan oleh agensi di atas akan ditutup kecuali kawasan di Kuala Lumpur yang berada di luar zon PKPD. Orang ramai digalakkan merujuk laman rasmi media sosial atau laman sesawang agensi-agensi yang berkaitan untuk keterangan lebih lanjut.

SURAT KELULUSAN PERJALANAN DARI SMILE

- Surat pengesahan pengoperasian melalui Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) MOT masih tergunapakai sepanjang tempoh ini. Pemohon tidak perlu memuat turun surat baharu jika memiliki surat pengesahan sebelumnya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENDERAAN PERSENDIRIAN

- Hanya satu (1) orang dari setiap isi rumah dibenarkan menggunakan kenderaan mereka sendiri (tanpa mengira kapasiti tempat duduk) untuk mendapatkan barangan keperluan dalam lingkungan 10 kilometer dari tempat tinggal mereka. Kebenaran polis diperlukan (mengikut kes / situasi) untuk penambahan penumpang bagi tujuan yang dibenarkan.
- Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS sebagai bukti. Maksimum tiga (3) orang sahaja termasuk pemandu dibenarkan keluar untuk mendapatkan penjagaan kesihatan, perubatan atau bagi tujuan vaksinasi.

PERKHIDMATAN TEKSI DAN E-HAILING

- Hanya dua (2) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki teksi atau kenderaan e-hailing.

PENGANGKUTAN AWAM DAN INDUSTRI LOGISTIK

- Perkhidmatan kereta api, KTM Komuter, LRT, MRT, ERL, Monorel, bas dan feri dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penumpang 50%.
- Lapangan terbang dan pelabuhan boleh terus beroperasi seperti biasa. Pengangkutan perdagangan melalui darat, udara dan laut adalah perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi semasa PKPD termasuk perkhidmatan penghantaran makanan, minuman dan bungkusan (parcel) atau apa-apa aktiviti yang menjadi rantai kepada mana-mana perkhidmatan perlu.
- Perkhidmatan pelabuhan dan perusahaan yang berkaitan termasuk limbungan kapal, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemukalan komoditi, pemaliman serta pemunggahan (loading dan unloading) di pelabuhan adalah dibenarkan. Aktiviti loading dan unloading di luar kawasan pelabuhan semasa PKPD hanya dibenarkan untuk perkhidmatan perlu yang diluluskan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- Jumlah penumpang yang dibenarkan menggunakan kenderaan komersial dan logistik adalah tertakluk pada pendaftaran kenderaan masing-masing.

PEMATUHAN SOP PENCEGAHAN COVID-19

MOT sekali lagi menasihati semua pihak supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di pejabat/kaunter, stesen dan terminal termasuk memakai pelitup separuh muka, menggunakan cecair pembasmi kuman, mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter selagi boleh dan mengimbas kod QR MySejahtera.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
2 JULAI 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1- 800 - 88 - 7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SURAT KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN MELALUI SISTEM SMILE DAN AKTIVITI YANG DIBENARKAN SEMASA TEMPOH PPN DAN PKPD

Susulan pengumuman Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di beberapa mukim di negeri Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula dari 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa pemain industri sektor logistik dan pengangkutan **boleh terus menggunakan surat kebenaran beroperasi (Sistem SMILE) bertarikh dari 1 Jun 2021 dan ke atas bagi pemeriksaan** di Sekatan Jalan raya (SJR).

Walaupun bagaimanapun, surat terbaharu dengan pindaan mengambilkira peralihan dari Fasa PKP ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) sedia dimuat turun pada hari ini, 5hb Julai 2021 dari sistem SMILE melalui laman sesawang <https://application.mot.gov.my>. Pemain industri digalakkan untuk memuat turun surat ini.

Bagi aktiviti *loading/unloading* barangan *non-essential*, ianya hanya dibenarkan di kawasan luar PKPD sahaja (di seluruh negara) berdasarkan kepada SOP sedia ada. Manakala bagi kawasan dalam PKPD, ianya hanya terhad kepada syarikat pergudangan sahaja kerana syarikat ini merupakan perkhidmatan rantaian kepada pelabuhan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

dan lapangan terbang (*services to ports and airports*) yang mana perkara ini jelas dibenarkan dalam SOP PKPD Selangor. Bagi sektor selain pergudangan, aktiviti *loading/unloading* hanya terhad kepada syarikat yang tersenarai dalam senarai *essential* PKPD sahaja.

Sektor pergudangan tidak tertakluk kepada had operasi barangan *essential* sahaja kerana ianya menyediakan perkhidmatan penyimpanan dan pemunggahan barangan siap kepada pelabuhan. Aktiviti sektor pergudangan ini tidak melibatkan sebarang aktiviti pembuatan. Sehubungan itu, sektor pergudangan boleh terus beroperasi tanpa kekangan kepada jenis barangan *essential* dan *non-essential*.

Senarai penuh bagi perkhidmatan perlu yang dibenarkan bagi sektor pengangkutan dan logistik adalah seperti di “**LAMPIRAN I**”

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

5 Julai 2021

- TAMAT -





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Tel 1-800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

LAMPIRAN I

SENARAI PENUH PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK

- I. **Pengangkutan laut, udara dan maritim; barangan dan pengangkutan awam.**
- II. **Pelabuhan dan lapangan terbang**
- III. **Perkhidmatan kepada pelabuhan dan lapangan terbang seperti:**
 - **Pergudangan**
 - **Off dock/ on dock depoh**
 - **Freight forwarders/ejen kastam**
 - **Limbungan**
 - **Kren di pelabuhan dan off dock**
 - **Pemusnahan dagangan zon bebas (free trade cargo zone disposal)**
 - **Cargo survey**
 - **Pembekalan keperluan kapal (hardware & refrigerant)**
 - **Pembekalan keperluan kapal (ship chandling)**
 - **Kerani hitung banding (tally clerk)**
 - **Lashing & unlashing**
 - **Membekal air bersih (fresh water supply)**
 - **Membekal pemandu kapal-kapal Ro-Ro (Ro-Ro stevedore service)**
 - **Pembekalan minyak bunker kapal (bunker services)**
 - **Pembekalan jentera konveyor (conveyor machinery supply)**
 - **Pembekalan jentera kren (crane machinery supply)**
 - **Pembekalan jentera punggung (auxiliary cargo equipment)**





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- **Pembekalan net keselamatan (safety net supply)**
 - **Pembekalan stevedoring gears**
 - **Pembersihan tumpahan dagangan berbahaya (hazardous substance spillage cleaning)**
 - **Penerimaan sisa buangan kapal berjadual (reception facility for ship schedule waste)**
 - **Pengendalian dagangan pukal (bulk cargo handling)**
 - **Pewasapan kontena (fumigation)**
 - **Penerimaan sisa buangan sampah domestik kapal (garbage disposal)**
 - **Stevedoring**
 - **Trimming gang**
 - **Penyelaman (diving) bagi aktiviti pengimpalan bawah perut kapal (underwater hull repair works)**
 - **Pengerukan dan aktiviti berkaitan termasuk survei bawah laut. (dredging and underwater survey)**
 - **Pemaliman (pilotage)**
 - **Pembekal minyak pelincir kapal (lubricant)**
 - **Servis kepada bot & pelabuhan (boat and port services)**
 - **Perkhidmatan Pengendalian Darat (Ground Handling Services) seperti Pengendalian Bahan Api (refuelling), Katering, Pengendalian Kargo, Penumpang, Bagasi, Pentadbiran dan Penyeliaan Darat, Pengendalian Muatan dan Mel**
- IV. Operasi courier/p-hailing (penghantaran barangan melalui kenderaan persendirian dan perdagangan)**
- V. Perkhidmatan terminal pengangkutan awam (public transport terminals)**



LAMPIRAN 4

**TALIAN BANTUAN LEMBAGA PELABUHAN KELANG SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

JABATAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	NOMBOR TELEFON / E-MEL UNTUK DIHUBUNGI
JABATAN ZON BEBAS	En. Ahmad Rizal bin Mohd. Yusop (Pengurus Kanan)	012-2159069 03-31688214 (DL) 03-3168 8211 samb. 1024 ahmadrizal@pka.gov.my
JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA	En. Nubhan bin Basarudin (Pengurus)	012-3063404 03-31670024 (DL) 03-3168 8211 samb. 1023 nubhan@pka.gov.my
JABATAN GERAKAN MERIN	Kapt. Azmi bin Maaris (Pengurus)	012-6395565 03-31668205 (DL) 03-3168 8211 samb. 3025 azmi@pka.gov.my

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI PELABUHAN KLANG SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

RANGKAIAN LOGISTIK

- Memastikan pelanggan *check in* di pintu utama/ get masuk premis menggunakan Aplikasi MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.



- Saringan / imbasan suhu badan perlu dilakukan ke atas semua staf.
- Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain.



- Penggunaan pelitup muka oleh semua kakitangan semasa berada di dalam premis.



- Menggunakan cecair pembasmi kuman di semua pintu masuk premis (termasuk lobi utama, kaunter perkhidmatan, kawasan dermaga).
- Mengamalkan kebersihan diri.

RANGKAIAN LOGISTIK

- Mesyuarat / perjumpaan secara fizikal adalah tidak dibenarkan.
- Semua mesyuarat / seminar / latihan / kursus / ceramah di buat secara atas talian (Google Duo, Zoom Webinar, Skype).



- Penyediaan tong sampah khas untuk membuang topeng muka dan sarung tangan yang telah digunakan.
- Pelupusan / pembuangan berjadual bagi tong sampah khas ini perlu diaturkan.

- Perlu menyimpan rekod semua staf, pemain industri dan vendor yang memasuki dan berurusan di premis.



- Kawasan rehat terminal / kawasan awam termasuk kawasan rehat pekerja / ruang solat / dan tandas perlu disanitasi secara kerap.

RANGKAIAN LOGISTIK

- Kawasan beratur perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial (kaunter / mesin angkat (lif) / eskalator).
- Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain



- Penganjuran sebarang aktiviti / acara adalah tidak dibenarkan di Pusat Sukan dan Rekreasi.




- Waktu operasi kaunter dihadkan dan menggalakkan transaksi atas talian bagi mengurangkan sentuhan fizikal.



TERMINAL PELABUHAN



- Permohonan baharu / permohonan pembaharuan pas pelabuhan perlu dihantar secara atas talian.



- Pihak Pengurusan perlu menyediakan jadual bertugas dan menentukan staf yang perlu bekerja di tempat kerja seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

- Kenderaan yang membawa kakitangan daripada bangunan pejabat ke yad kontena perlu disanitasi secara kerap serta dilengkapi dengan cecair pembasmi kuman.



TERMINAL PELABUHAN

- Kafe dan kedai yang beroperasi perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf dan pelanggan.
- Kafe dibenarkan beroperasi bagi aktiviti pembelian bawa pulang (*take-away*) sahaja.
- Kafe dan kedai perlu kerap disanitasi.



- Kawasan beratur untuk merakam waktu bekerja perlu bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf.
- Alat perakam waktu bekerja perlu disanitasi secara kerap.

- Kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan, pembaikan dan pendawaian yang bersifat kritikal sahaja dibenarkan untuk dilaksanakan.
- Pihak terminal perlu memastikan kontraktor / vendor perlu memastikan norma baharu.



JETI KARGO

- Kapal yang berlabuh perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang 12 jam sebelum ketibaan.
- Keadaan kesihatan dan keselamatan anak kapal perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan.



- Kapal persiaran boleh berlabuh di Boustead Cruise Centre untuk aktiviti *bunkering* / pembekalan bahan makanan dan *sign off* krew kapal warganegara Malaysia.

- Ruang menunggu di kawasan ketibaan dan kawasan pelepasan perlu ditandakan bagi mengekalkan jarak sosial di antara pekerja.



AGENSI-AGENSI KERAJAAN LAIN

- Kelulusan dari OGA kebanyakan dijalankan secara atas talian dan ejen perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk diluluskan atas talian.



- Pemeriksaan yang dijalankan perlu mematuhi norma baharu.

DEPOH KONTENA KOSONG

- Waktu Operasi Depoh adalah seperti berikut:
Isnin - Sabtu: 8.00am – 4.00am (hari berikutnya)
Ahad & Cuti Umum: 8.00am - 4.00pm



- Pemandu haulier tidak dibenarkan untuk turun dari *prime mover* ketika berada di dalam kawasan depoh.
- Reach stacker / forklift operators* (termasuk kakitangan pejabat) untuk memakai PPE termasuk pelitup muka dan sarung tangan semasa bekerja.

- Pengendali depoh digalakkan untuk menggunakan pembayaran secara atas talian (*Depot Gate Charge*).

GUDANG



- Waktu Operasi Gudang adalah seperti berikut:
Isnin - Jumaat: 8am - 5pm
Sabtu: 8am - 1pm
Ahad & Cuti Umum: Atas permintaan

- Forklift operators menggunakan PPE termasuk pelitup muka semasa bekerja.



- Kakitangan Kaunter perlu menggunakan pelitup muka semasa bekerja.